

Re-active Responsive & Sensitive

Oleh : Noor Asliza Abdul Rahim



3 perkara utama yang diharapkan oleh En. Ku Halim Ku Ariffin dilaksanakan oleh setiap warga KUKUM. Ikuti temubual eksklusif beliau bersama wakil MyKUKUM

MyKUKUM (MK) : *Assalamualaikum w.b.t. Syukur Alhamdulillah dan terima kasih daripada MyKUKUM kerana En. Ku Halim sudi meluangkan sejenak bersama kami. Secara sepintas lalu bolehkah En. Ku Halim jelaskan apakah fungsi sebenar Jabatan Pendaftar dalam KUKUM ini?*

En. Ku Halim Ku Ariffin (KH) : *Walaikummusalam w.b.t. terima kasih. Secara umumnya Jabatan Pendaftar adalah bertanggungjawab sepenuhnya untuk mengendalikan pentadbiran pusat Kolej Universiti dengan memberi perkhidmatan pentadbiran dan kesetiausahaan supaya aktiviti-aktiviti pengajaran, penyelidikan dan perkhidmatan akademik dapat dijalankan dengan lancar dan berkesan. Oleh itu, bagi melicinkan lagi perjalanan pengurusan, Jabatan Pendaftar dibahagikan kepada dua bahagian iaitu Bahagian Sumber Manusia yang terlibat dalam mengendalikan segala urusan personelia. Manakala bahagian Pengurusan Akademik pula bertanggungjawab bagi mengendalikan segala urusan yang berkaitan kemasukan pelajar, peperiksaan, senat dan pemprosesan data dan rekod*

MK : *Apakah cabaran dan halangan yang terpaksa dilalui oleh En. Ku Halim selaku Pendaftar di sini dalam mentadbir sebuah jabatan yang amat penting dalam perjalanan pentadbiran KUKUM?*

KH : *Sebagai sebuah jabatan yang penting bagi menjana perjalanan pentadbiran KUKUM kita menghadapi pelbagai cabaran. Cabaran pentadbiran organisasi yang berasaskan ilmu dan pengetahuan dalam zaman teknologi maklumat sememangnya amat penting. Dengan kata lain, ia berkait rapat dengan tenaga kerja sendiri. Kebanyakan staf yang dilantik oleh KUKUM merupakan mereka yang tidak mempunyai pengalaman dalam pengurusan sesebuah universiti. Di sinilah cabaran utama kita bagi menghasilkan staf yang mempunyai skill dan knowledge yang tinggi untuk mengemblem tenaga bagi melicinkan perjalanan pentadbiran di KUKUM. Bagi mentadbir sesebuah organisasi yang besar juga, kita secara langsung akan terikat dengan peraturan dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh kerajaan pusat. Oleh itu setiap aspek pentadbiran kita perlulah diselenggarakan dengan garis panduan yang telah sedia ada untuk menjamin mutu dan kualiti kita dalam memenuhi kehendak pelanggan yang semakin meningkat dan 'sophisticated' dan keperluan memberi fokus kepada pelanggan. Kita juga perlukan ketelusan dalam aspek pengurusan agar dapat menjana kewangan sendiri.*

Di samping itu, saya juga melihat aspek perhubungan atau jalinan yang wujud antara individu dalam setiap jabatan masih terlalu muda (baru). Dalam apa keadaan atau situasi

sekali pun hubungan atau jalinan yang erat antara sesama individu amat penting. Oleh itu sebelum kita hendak berjaya kita kenalah perkukuhkan dahulu jurang jalinan yang ada secara lebih berhemah dan positif.

Cabaran yang tidak kurang pentingnya di sini apabila kita hendak menjangkau kehendak globalisasi. Dalam arus dunia yang serba 'sophisticated' ini kita tidak dapat lari daripada terjerumus ke lembah globalisasi. Jika kita masih leka dan tidak peka terhadap kehendak globalisasi, saya yakin kita tidak akan mampu bersaing di peringkat dunia seperti kehendak Tuan Rektor kita yang bertilzamat untuk membangunkan KUKUM sebagai sebuah pusat pendidikan dan penyelidikan yang bertaraf dunia. Pada saya setiap individu kalau hendak berjaya perlu berkait rapat dengan beberapa cabaran ini.

MK : *Pada pandangan En. Ku Halim bagaimanakah Jabatan Pendaftar selaku organisasi pentadbiran dapat dilihat membantu dalam membangunkan keseluruhan bidang akademik di KUKUM ini?*

KH : *Sebagai sebuah jabatan yang penting, saya yakin Jabatan Pendaftar dapat memainkan peranan yang penting bagi memajukan bidang akademik di KUKUM. Antaranya kita boleh bertindak sebagai sebuah 'resource center' atau pembekal maklumat kepada staf khususnya dan masyarakat umumnya. Kita boleh diibaratkan sebagai 'tulang belakang' kepada pentadbiran KUKUM. Tanpa asas tulang belakang yang kukuh dan kuat mustahil kita dapat menjalankan segala aspek pengurusan dengan lancar. Ini kerana kita di Jabatan Pendaftar bertanggungjawab untuk mengendalikan segala urusan kesetiausahaan kepada setiap jabatan yang ada di KUKUM. Keberkesanan dari aspek kesetiausahaan di sini akan dapat membantu melicinkan setiap aktiviti dan pengajaran, penyelidikan serta perkhidmatan akademik.*

Jabatan Pendaftar juga berperanan sebagai 'center of service,' iaitu Jabatan Pendaftar boleh dilihat sebagai pembekal kepada aspek-aspek kebajikan kepada staf melalui pelbagai wahana. Contohnya jika terdapat staf menghadapi kesukaran mendapatkan rumah, kita di Jabatan Pendaftar akan menyediakan ruang perkhidmatan yang cukup penting. Jika terdapat di kalangan staf yang menghadapi masalah kita akan memberi bantuan dengan segera. Di sini kita memegang konsep 'hikmah seratau.' Apabila kita memberi perkhidmatan dengan cepat itu merupakan 'tanda aras' pendekatan yang baik dalam menjamin kualiti pentadbiran organisasi KUKUM. Dengan adanya perkhidmatan seperti ini orang akan suka bekerja dengan KUKUM kerana kebajikan mereka diberi perhatian yang sewajarnya oleh majikan.

MK : *Apakah matlamat Jabatan Pendaftar dalam tempoh jangka masa panjang?*

KH : Dalam menetapkan matlamat jangka panjang, kita di Jabatan Pendaftar berusaha untuk menjadikannya sebagai sebuah jabatan yang cekap, dapat memberikan perkhidmatan yang berkualiti serta cemerlang dalam pengurusan kerana kita yakin dapat turut serta mengemblemkan peranan yang telah ditetapkan dalam membangunkan pengurusan KUKUM. Oleh itu kita amat menekankan konsep kerja berpasukan di kalangan staf, kerana bagi kita kepuasan pelanggan perlu diutamakan. Kita juga akan mendedahkan pegawai dan staf kita dengan latihan-latihan tertentu yang berkait rapat dengan pengurusan staf. Apa yang penting di sini ialah kita amat berharap dan ingin muncul sebagai sebuah jabatan yang disegani dan mampu bersaing di peringkat global.

MK : *Polisi kerajaan tentang globalisasi dan konsolidasi (pengukuhan) pendidikan tinggi telah memberi kesempatan kepada Institusi Pendidikan Tinggi berkembang dengan lebih jauh. Oleh itu apakah strategik perancangan Jabatan Pendaftar bagi turut serta dalam membangunkan KUKUM sebagai sebuah pusat pendidikan dan penyelidikan yang bertaraf dunia?*

KH : Apa yang boleh kita mainkan seperti yang saya katakan tadi, kita boleh bertindak sebagai penghubung jalinan dengan institusi luar bagi membolehkan KUKUM lahir sebagai sebuah organisasi yang aktif sebagai sebuah pusat pendidikan dan penyelidikan yang bertaraf dunia. Bagi mencapai hasrat tersebut Jabatan Pentadbir boleh memainkan peranan bagi membantu KUKUM merealisasikan hasratnya dengan cara kita berperanan sebagai gedung pembekal maklumat kepada semua staf akademik bagi memudahkan mereka melaksanakan tugas masing-masing. Pembekal maklumat di sini bermakna, kita di Unit Peperiksaan contohnya akan menubuhkan "Bank Data Maklumat" yang di dalamnya akan dihimpunkan tokoh-tokoh atau pakar-pakar serta penyelidik-penyelidik yang arif dalam bidang masing-masing. Dengan adanya "Bank Data Maklumat" ini kita berharap pensyarah-pensyarah akan mendapat manfaat daripadanya kerana di sini mereka boleh berhubung antara satu sama lain dengan tokoh dan pakar-pakar penyelidik dalam usaha menambahkan maklumat kepada penyelidikan yang bakal mereka jalankan.

Di samping itu, kita juga mengalualukan saranan Tuan Rektor kita sendiri supaya pegawai pentadbiran perlu turut serta mengambil bahagian dalam menghasilkan penyelidikan. Jadi, Jabatan Pendaftar amat menggalakkan agar pegawai-pegawainya turut sama terlibat dalam menghasilkan penyelidikan tanpa perlu mengabaikan tanggungjawab masing-masing.

MK : *Selaku Pendaftar, apakah pandangan En. Ku Halim terhadap staf pentadbiran yang sedia ada kini? Dan adakah En. Ku Halim sendiri berpuas hati dengan prestasi kerja yang dipamerkan oleh mereka?*

KH : Buat masa sekarang dalam tempoh yang masih muda KUKUM beroperasi dengan ditambah faktor pengalaman yang telah sedia ada, saya sentiasa mengharapkan agar mereka dapat memantapkan 'skill dan knowledge.' Lengkapkan diri dengan seberapa banyak maklumat yang khusus (iaitu melibatkan pekerjaan) dan umum (melibatkan faktor persekitaran). Keutuhan dan kejayaan sesuatu organisasi banyak bergantung kepada pendedahan yang dilalui oleh staf sama ada melalui seminar, bengkel dan sebagainya yang dapat menambahkan ilmu pengetahuan kepada staf. Ini kerana setiap manusia dari semasa ke semasa memerlukan input baru yang boleh membantu melicinkan lagi perjalanan pengurusan organisasi KUKUM.

... saya juga melihat aspek perhubungan atau jalinan yang wujud antara individu dalam setiap jabatan masih terlalu muda (baru).

MK : *Apakah pendekatan yang telah dan bakal digunakan oleh En. Ku Halim sendiri dalam menjana staf yang berkualiti dan cemerlang khususnya di Jabatan Pendaftar yang mempunyai bilangan staf yang paling ramai?*

KH : Dalam hal ini saya lebih berminat dengan pendekatan yang dipelopori oleh Tuan Rektor kita dalam menjana pembangunan staf kita iaitu pendekatan yang bersifat 'coaching of approach.' Dengan adanya pendekatan seperti ini kita dapat mempertingkatkan keterampilan dan kewibawaan staf yang ada. Pendekatan secara bimbingan ini amat perlu dalam menjamin kualiti dan kecemerlangan staf kita. Kita juga mengambil pendekatan dengan mengadakan perbincangan yang berterusan antara staf. Bagi menjamin staf yang berkualiti dan berketerampilan dalam pengurusan pentadbiran adalah perlu kita mengubah persepsi terhadap staf. Dalam hal ini kita melihat staf sebagai rakan kongsi yang bukan sekadar hanya melaksanakan tugas-tugas yang diberi tetapi juga sebagai pemberi input kepada kejayaan organisasi kita. Pendekatan ini secara tidak langsung akan mencerminkan penghargaan kita terhadap nilai yang dimiliki oleh staf dan sumbangan yang mampu diberikan oleh mereka kepada organisasi. Kita juga mengambil pendekatan dengan menetapkan bahawa setiap staf menyediakan JD, perlu juga menyediakan fail major atau carta aliran kerja.



Di samping itu kita juga merancang untuk melaksanakan latihan dan pembangunan staf melalui kursus, seminar, bengkel dan sebagainya. Latihan yang berterusan adalah suatu cara yang efektif bagi menurus kepada pengeluaran tenaga kerja yang produktif, cemerlang, berkemahiran dan bersikap terbuka kepada arus pekerjaan yang sentiasa mencabar. Oleh itu perubahan sikap yang lebih positif, berilmu dan berkemahiran adalah menjadi tonggak utama kepada keberkesanan matlamat kita. Seseorang itu akan menjadi cemerlang jika dia mempunyai sikap untuk menjana kecemerlangan dalam dirinya. Sesebuah organisasi akan cemerlang jika dirinya juga cemerlang. Kecemerlangan akan tercerna jika kita menerapkan konsep berilmu, yang amat berkait rapat dengan moto kita iaitu meletakkan ilmu di aras yang tertinggi.

MK : *Pada pandangan En. Ku Halim, apakah kelebihan dan kekuatan yang ada pada KUKUM khususnya dan pada staf KUKUM dalam membangunkan sebuah universiti seperti yang dilau- laungkan oleh Tuan Rektor kita dalam ucapatanya baru-baru ini.*

KH : Pertama sekali saya melihat kita di KUKUM ini sentiasa bersama dalam melalui sesuatu tugas. Itu faktor penting yang tak dapat disangkal dalam menjayakan setiap aktiviti yang dijalankan. Komitmen dan pengorbanan yang diberikan oleh staf dalam setiap aktiviti amat baik. Di sini kita lihat tidak wujud jurang antara pekerja dalam melaksanakan sesuatu tugas yang diberikan. Malahan ketua-ketua jabatan juga dilihat sentiasa seiring dengan hasrat staf untuk menjana kelancaran sesuatu aktiviti. Antara kejayaan sesebuah organisasi ialah dengan adanya semangat kerja berpasukan yang tinggi atau 'esprit de corp.' Ibarat seperti roda yang mempunyai banyak ranting. Jika satu daripadanya tercabut, sudah pasti roda tersebut tidak kukuh untuk menampung beban bagi menggerakkan roda tersebut. Begitu jugalah dengan staf kita jika tidak ada kesepakatan dan kesepaduan menyusun langkah yang seiring, sudah pasti kita akan lambat tiba ke destinasi atau matlamat kita.

Tetapi apa yang paling membanggakan dalam melihat kekuatan staf KUKUM ialah, saya melihat wujud satu gejala yang amat positif dalam diri staf di mana mereka mempunyai semangat ingin belajar yang tinggi. Keupayaan staf untuk mempertingkatkan ilmu serta kemahiran amat berkait rapat dengan latihan. Oleh itu kita mengambil pendekatan dengan menetapkan seberapa segera program pembangunan staf sokongan dan pengurusan dan profesional melalui kaedah mempertingkatkan latihan di kalangan staf, menetapkan konsep dan perancangan strategi pembangunan staf. Situasi begini memerlukan pengorbanan yang tinggi khususnya daripada pihak Pendaftar bagi menyuburkan budaya memperoleh ilmu pengetahuan. Selaras dengan perkembangan teknologi maklumat juga kita di Jabatan Pendaftar sentiasa berusaha dengan pendekatan mengemaskinikan pengetahuan pegawai dan staf dengan kemahiran ICT agar mampu bersaing dalam dunia tanpa sempadan ini.

Untuk menjadi sebuah organisasi yang cemerlang juga, warga KUKUM harus terlebih dahulu cemerlang oleh itu, kita di Pendaftar mengambil pendekatan dengan menetapkan beberapa peraturan. Ini kerana lazimnya kecemerlangan dapat dicerminkan menerusi disiplin warga organisasi itu. Asas disiplin adalah melalui pematuhan kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan.

MK : *Apakah harapan En. Ku Halim terhadap warga KUKUM seluruhnya.*

KH : Harapan saya supaya kita mempertingkatkan lagi azam dan iltizam untuk sama-sama merealisasikan visi dan misi KUKUM. Dapat membentuk dan mengekalkan sikap positif dan sentiasa peka terhadap kehendak pelanggan, reactive, responsive dan sensitive kepada persekitaran dan komen-komen yang diberikan oleh masyarakat umum dan staf khususnya. Perjalanan kita untuk membangunkan sebuah universiti masih jauh. Oleh itu kita perlu sentiasa bekerja keras dan sama-sama mengemblemkan tenaga bagi menjayakan hasrat tersebut.